

PERKEMBANGAN INSTITUSI KEILMUAN DI ANDALUS PADA ABAD KE 10M HINGGA 13M

DEVELOPMENT OF INSTITUTIONAL INSTITUTIONS IN ANDALUS IN THE ABAD TO 10M TO 13M

Dr. Salmah Binti Omar¹
Dr. Syahrul Faizaz Binti Abdullah²

¹ Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS, Universiti Utara Malaysia

² Pensyarah Kanan Jabatan Tamadun dan Falsafah Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, UUM CAS, Universiti Utara Malaysia

Accepted date: 30 October 2017

Published date: 7 January 2018

To cite this document:

Omar, S., & Abdullah, S. F. (2017). Perkembangan Institusi Keilmuan di Andalus pada Abad ke 10M Hingga 13M. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 236 - 245.

Abstrak: *Keagungan Andalus atau pada masa sekarang dikenali sebagai Sepanyol terletak pada kedudukannya yang unggul dalam bidang keilmuan. Andalus bukan sahaja sebagai pusat ilmu-ilmu Islam tetapi juga bidang sains dan falsafah. Di sini lahirnya ilmu-ilmuan Islam yang tersohor seperti Ibnu Rusyd, Ibnu Hayyan, Ibnu Baythar, Ayesah, Ziryab. Salah satu faktor yang mendorong kepada kegemilangannya sebagai pusat keilmuan kerana kewujudan institusi-institusi pendidikan hasil inisiatif dari golongan pemerintah, pembesar ulama hinggalah dalam kalangan rakyat jelata. Oleh itu artikel ini bertujuan untuk membincangkan kelahiran dan perkembangan institusi-institusi keilmuan di Andalus dengan memfokuskan pada abad ke 10M hingga ke 13M dengan menggunakan kaedah analisis teks. Analisis kajian mendapati institusi pendidikan di Andalus dapat dikategorikan dengan institusi tidak formal dan institusi formal. Institusi tidak formal terdiri daripada rumah persendirian, masjid, istana khalifah, wazir atau gabenor dan perpustakaan. Pendidikan formal pula dapat terdiri daripada sekolah dan universiti. Setiap institusi sama berbentuk formal dan tidak formal telah memberi sumbangan kepada usaha membudayakan ilmu dan keserjanaan di segenap lapisan masyarakat hingga mengangkat Andalus sebagai Pusat Keilmuan yang menjadi tumpuan sama ada di Timur dan di Barat.*

Abstract: *The majesty of Andalus or now known as Spain lies in its superior position in science. Andalus is not only a center of Islamic sciences but also the field of science and philosophy. Here is the birth of famous Islamic scholars such as Ibn Rusyd, Ibn Hayyan, Ibn Baythar, Ayesah, Ziryab. One of the factors that led to its excellence as a center of science for the existence of educational institutions of initiative from the ruling class, the clerics of scholars to the common people. Hence this article aims to discuss the births and developments of scientific institutions in Andalus by focusing in the 10M to 13M centuries by using a text analysis method. The analysis of the study found that educational institutions in Andalus can be categorized with informal institutions and formal institutions. Informal institutions consist of private homes, mosques, caliphs, viziers or governors and libraries. Formal education can consist of schools and universities. Each institution is both formal and informal as it has contributed to the cultivation of knowledge and scholarship in all walks of life, raising Andalus as a Center of Knowledge which focuses on either the East and the West.*

Keywords: *Andalus, Formal Education, Informal, Educational Institution*

Pendahuluan

Masyarakat Islam di Andalus telah menyemaikan satu tradisi cintakan ilmu pengetahuan. Usaha mereka mencari ilmu dapat dilihat pada peninggalan mereka dalam semua cabang ilmu meliputi ilmu dunia dan akhirat. Ini hasil daripada sistem pendidikan yang bersepadu menyebabkan tidak wujud dualisme atau pemisahan antara pelajaran keagamaan dengan pelajaran kemasyarakatan. Hasilnya Andalus telah melahirkan ramai cendekiawan dan sarjana Islam yang mahir dalam kedua-dua bidang ilmu sama ada ilmu dunia mahupun akhirat (Azam Hamzah, 1999). Mereka benar-benar menghayati seruan Islam untuk menuntut dan menyebarkan ilmu sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran. Firman Allah s.w.t dalam Surah al-Mujadalah ayat 11 yang bermaksud; "Allah mengangkat beberapa darjat orang-orang yang beriman dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan". Dan Firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar ayat 9 yang bermaksud; "Katakanlah adakah sama orang-orang berilmu dengan orang yang tidak berilmu? Sesungguhnya mereka yang mendapat peringatan dan petunjuk hanyalah di kalangan hambanya yang berilmu dan bijaksana". Kedua-dua ayat ini menyentuh tentang kelebihan orang berilmu yang mempunyai kedudukan serta martabat lebih tinggi di sisi Allah dan masyarakat.

Tidak dapat dinafikan kedudukan Andalus sebagai pusat keilmuan adalah disebabkan oleh usaha yang gigih dalam kalangan individu, masyarakat, ulama, pentadbir dan pemerintah yang telah mengerahkan tenaga mewujudkan institusi pendidikan sama ada berbentuk formal atau tidak formal. Oleh itu, kertas kerja ini akan membincangkan aspek ini dengan memfokuskan kepada kelahiran dan perkembangan institusi keilmuan formal dan tidak formal di Andalus pada abad ke 10M hingga ke 13M.

Sorotan Karya

Penulis telah memilih beberapa buah penulisan terdahulu yang membincangkan berkaitan tajuk kajian ini. Di antaranya ialah sebuah karya Rene Taton, terjemahan oleh A.J. Pomerans, (1963), bertajuk *History Of Science, Ancient And Medieval Science From The Beginning To 1450*, London : Thames And Hudson. Dalam bukunya yang bertajuk *History Of Science, Ancient And*

Medieval Science, From Beginnings to 1450, Taton membincangkan tentang ilmu sains Islam yang bermula pada Zaman Pertengahan (Middle Ages).

Menurut beliau, sains Islam telah mula berkembang subur sejak dari abad ke 8 Masihi dan pada masa ini hampir kesemua bidang ilmu diperolehi daripada ilmu Greek-Yunani yang telah diterjemah dari bahasa Yunani kepada bahasa Arab. Pada mulanya, Timur menjadi pusat pendidikan, sarjana dari Persia, Mesir, Syria dan India berkumpul di Baghdad, kemudiannya apabila Andalus ditakluk oleh Umayyad, maka Kordova mula mengambil tempat Baghdad. Andalus telah muncul sebagai pusat intelektual yang unggul di Eropah. Dari sinilah ilmu sains Islam mula mengalir ke Barat dan Taton menolak fakta bahawa Perang Salib yang membawa Barat berhubungan dengan orang Islam di Timur (Rene Taton, 1963).

Menurut beliau, abad ke 11 M merupakan zaman keemasan tamadun Islam di Andalus, ketika ini telah muncul ramai saintis Islam yang sangat hebat seperti ahli astronomi iaitu Ibn Yunus, ahli fizik Ibn Al-Haitham yang pakar dalam bidang optik, dan yang paling terkenal ialah Ibn Sina dan Biruni. Pada abad ke 12 M, sains Islam telah mula tersebar dan berkembang subur di negara-negara Eropah dan ia dianggap sebagai permulaan kepada kebangkitan semula intelektual Barat sehinggalah tamadun Barat mencapai kemuncak kegemilangannya pada hari ini (Rene Taton, 1963).

Selain itu, untuk mendapatkan maklumat yang agak mendalam tentang pertumbuhan dan perkembangan tamadun Islam di Andalus, maka penulis telah memilih buku yang dihasilkan oleh seorang sarjana Muslim iaitu Anwar G Chejne, (1974), yang bertajuk *Muslim Spain, Its History And Culture*, Minneapolis: The University Of Minnesota Press. Di dalam buku ini, beliau membincangkan secara menyeluruh tentang sejarah, budaya dan pencapaian intelektual orang Islam di Andalus.

Sebagai contoh, beliau menyatakan bahawa pada abad ke 10 M, Kota Kordova muncul sebagai sebuah kota kosmopolitan dan sofistikated di dalam dunia Islam dan Eropah. Ia menjadi model dalam pembinaan bangunan dan fesyen dengan adanya masjid Kordova yang sangat hebat dan istana-istana yang indah seperti Al-Zahra yang dibina oleh Abd al-Rahman III dan Al-Zahirah oleh Ibn Abi Amir. Selain itu, Andalus turut terkenal kerana mempunyai sebanyak 1600 buah masjid, 900 tempat mandi awam, 213,077 rumah kediaman awam, 60,300 rumah bangsawan, menteri, setiausaha, ketua tentera dan lain-lain pegawai kerajaan serta sebanyak 80,455 buah kedai (Anwar G. Chejne, 1974).

Daripada perbincangan beliau, penulis dapat membuat kesimpulan di sini bahawa aktiviti keilmuan dan penterjemahan yang berlaku di Andalus bukan sahaja memberi sumbangan kepada pertukaran idea dan peminjaman ilmu malah kepada kemunculan dan perkembangan intelektual di Eropah yang menjadi permulaan kebangkitan semula Eropah pada zaman berikutnya.

Seterusnya, penulis juga mendapat banyak maklumat tentang tamadun Islam Andalus melalui penulisan seorang sarjana Islam iaitu Imamuddin S.M (1981), *Muslim Spain 711-1492 A.D, A Sociological Study*, Leiden: E.J. Brill. Secara keseluruhannya buku ini menggambarkan secara kasar tentang kegiatan sosial dan kebudayaan masyarakat Islam Andalus bermula dari zaman kemasukan Islam di Andalus pada tahun 711 M sehinggalah keruntuhan kerajaan Islam pada tahun 1492 M. Pada bahagian pendahuluan, Imamuddin membincangkan sedikit sebanyak tentang keadaan geografi dan bentuk fizikal bumi Andalus, diikuti dengan keadaan sosial, politik, agama dan ekonomi Andalus sebelum kemasukan Islam serta sumber-sumber rujukan

primer dan sekunder berkaitan dengan sejarah sosio-ekonomi dan budaya masyarakat Islam Andalus.

Perbincangan seterusnya menyentuh kehidupan masyarakat, pentadbiran sivil, organisasi tentera, pertanian, mineral dan industri, perdagangan, aktiviti kesusasteraan, sains, seni bina, kesenian dan muzik. Bahagian terakhir buku ini mengandungi huraian tentang tamadun Islam di Andalus dan pengaruh tamadun Islam kepada Eropah. Menurut Imamuddin S.M, masyarakat Islam Andalus berperanan penting sebagai pembawa cahaya kepada Eropah yang berada dalam keadaan kegelapan pada zaman tersebut.

Penulis juga menggunakan sebuah lagi penulisan Imamuddin S.M diterbitkan pada tahun (1963) bertajuk *The Economic History Of Spain*, Dacca: Asiatic Society Of Pakistan. Di dalam buku ini, penulis mendapat banyak maklumat mengenai ekonomi Andalus terutamanya dalam aktiviti perdagangan Andalus dengan negara-negara luar termasuklah negara-negara Islam di sebelah Timur, negara Asia serta negara-negara Kristian di Barat dan Timur Eropah. Daripada perbincangan ini, penulis dapat membuat kesimpulan bahawa Andalus bukanlah sebuah wilayah pemerintahan Islam yang mundur di Eropah, sebaliknya sebuah tamadun Islam yang sangat kaya dengan sumber asli dan terkenal sebagai pusat perdagangan utama dunia pada Zaman Pertengahan.

Selain itu, penulis juga memilih hasil tulisan W. Montgomery Watt (1965), *A History Of Islamic Spain*, Edinburgh: Edinburgh University Press. Beliau adalah salah seorang sarjana Barat yang banyak menulis tentang sejarah dan perkembangan tamadun Islam Andalus. Di dalam buku ini, Watt telah membincangkan secara menyeluruh mengenai tamadun Islam Andalus bermula daripada kemasukan orang Islam ke Andalus pada tahun 711 M, kegemilangan kerajaan Islam di bawah pemerintahan Khalifah Umayyad, keruntuhan pemerintahan Arab, kerajaan Islam di bawah pemerintah Barbar sehinggalah kepada Dinasti Nasrid dan kejatuhan kerajaan tersebut pada tahun 1492 M.

Pada bahagian terakhir buku tersebut, Watt telah membincangkan secara keseluruhan kepentingan agama Islam itu sendiri kepada Andalus sehingga ia muncul sebagai wilayah pemerintahan orang Arab Islam yang gemilang di Eropah dan kesannya kepada kerajaan Kristian di Andalus dan Eropah itu sendiri. Buku ini memberi banyak maklumat kepada penulis terutamanya mengenai kegemilangan kerajaan Islam Andalus pada zaman pemerintahan Khalifah Umayyad dan beberapa maklumat lain.

Secara keseluruhannya, daripada ringkasan kajian perpustakaan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa kesemua penulisan tersebut menyentuh perkembangan Andalus sebagai pusat tamadun Islam dan pusat kegiatan keilmuan yang gemilang pada Zaman Pertengahan. Tidak dapat dinafikan terdapat penulis-penulis Barat yang mengiktiraf peranan dan sumbangan tamadun Islam terhadap perkembangan keilmuan yang berlaku di Eropah sejak Zaman Pertengahan sehinggalah tamadun Barat mencapai kemuncaknya pada hari ini.

Institusi Keilmuan Di Andalus Pada Abad Ke 10M Hingga 13M

Institusi keilmuan di Andalus dapat dibahagikan kepada dua kategori, institusi pendidikan tidak formal dan institusi pendidikan formal

Institusi Pendidikan Tidak Formal

Institusi pendidikan tidak formal dijalankan sama ada di rumah-rumah ulama secara persendirian, masjid, istana-istana para khalifah, wazir, gabenor dan para pembesar dan perpustakaan. Walaupun dilaksanakan secara tidak formal, institusi ini telah memberi impak yang besar kepada budaya keilmuan di Andalus.

Rumah Persendirian

Institusi terawal di Andalus bermula di rumah. Menurut Imamudin S. M (1981) kebanyakan masyarakat Islam Andalus menerima pendidikan sejak kecil di rumah masing-masing. Selain daripada rumah sendiri, rumah para ulama dan cendekiawan Islam juga turut dikunjungi oleh pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Terdapat segelintir para sarjana Islam yang telah tamat belajar tidak berminat untuk bekerja makan gaji di istana atau kediaman-kediaman orang kenamaan. Selalunya mereka bekerja sendiri sahaja. Mereka mengadakan kelas bimbingan di kediaman masing-masing dan sesetengah daripada mereka mempunyai bilangan pelajar yang sangat ramai. Misalnya, Ahmad Ibn Sa 'id al- Ansari, seorang professor (*shaykh*) di Toledo mempunyai pelajar seramai empat puluh orang dirumahnya. Walau bagaimanapun, mereka dapat belajar dengan selesa kerana banyak kemudahan disediakan termasuklah alat pemanasan semasa musim sejuk. Pada waktu makan pula, pelajar akan dihidangkan dengan buah zaitun, daging, yoghurt dan makanan manis. Jelaslah di sini bahawa masyarakat di Andalus memandang tinggi terhadap ilmu pengetahuan dan sanggup berusaha untuk mencari ilmu dan menyebarkannya (Anwar G.Chejne, 1974).

Masjid

Selain rumah persendirian, masjid-masjid juga dijadikan tempat untuk membaca serta mengajarkan berbagai-bagai ilmu pengetahuan, di samping peranan utamanya sebagai pusat ibadah. Terdapat juga masjid-masjid yang telah diwaqafkan untuk tujuan pendidikan. Biasanya pendidikan peringkat rendah dijalankan di masjid-masjid tersebut. Kanak-kanak diberikan pendidikan asas seperti membaca al-Quran. Selain membaca, mereka juga diajar menulis dengan menggunakan papan dan dakwat yang mudah dipadamkan. Di antara masjid yang mula-mula berperanan sebagai institusi pendidikan tidak rasmi ini ialah masjid Kordova. Walau bagaimanapun, pada zaman pemerintahan Al-Hakam II, masjid Kordova telah muncul sebagai institusi pengajian tinggi yang terbesar di dunia (Robiah Ismail, 1987).

Istana-Istana Para Khalifah, Wazir, Gabenor Dan Para Pembesar

Istana-istana para Khalifah, Wazir, Gabenor dan para pembesar juga turut berfungsi sebagai institusi pendidikan khusus dan tidak rasmi di Andalus. Di sinilah juga para pemerintah sering mengadakan majlis-majlis munazarah bersama pembesar-pembesar negara. Selain itu, para cendekiawan, pemerintah dan orang-orang kenamaan juga mempunyai salons ataupun kelab kesusasteraan di kediaman mereka. Kelab-kelab mereka dihadiri oleh orang-orang yang terpilih sahaja. Di sinilah perbincangan tentang kesusasteraan seperti perbendaharaan kata, leksikografi, puisi, keagamaan, undang-undang dan lain-lain perkara ilmiah diadakan. Begitu juga kedai buku dan pasar turut menjadi tempat perbincangan para cendekiawan dalam segala bidang keilmuan (Anwar G.Chejne, 1974).

Perpustakaan

Antara institusi pendidikan tidak rasmi yang paling terkenal ialah perpustakaan-perpustakaan yang bukan sekadar berfungsi sebagai pusat penyelidikan tetapi juga tempat pertemuan para cendekiawan dari seluruh pelusuk dunia. Ketika institusi perpustakaan kian berkembang di wilayah Islam di Timur, Andalus yang berada di bawah pemerintahan Khalifah Umayyah juga tidak ketinggalan berusaha membangunkan dan memperkembangkan institusi keperpustakaanannya.

Imamuddin mencatatkan bahawa perpustakaan yang pertama dan terbaik di Andalus adalah Perpustakaan Diraja Kordova. Sejak dari pemerintahan Abd Al- Rahman II lagi, ia menjadi sebuah universiti yang terbaik di dunia Islam dan kecemerlangan ini telah diteruskan oleh Abd Al-Rahman III. Kedua-dua anak Abd Al- Rahman III iaitu Muhammad dan Al-Hakam II lebih cenderung dalam aktiviti kesusasteraan dan mereka dikatakan mempunyai koleksi atau simpanan buku yang tersendiri. Ketika Al-Hakam II menaiki takhta, beliau telah menubuhkan tiga buah perpustakaan untuk kegunaan Khalifah dan puteri-puteri mereka (Imamuddin S.M, 1981).

Selain itu, beliau juga telah menghantar beberapa orang ejen ke Mesir, Syria dan Iraq untuk membeli manuskrip dan buku-buku yang tidak terdapat di Andalus. Sebagai contoh, ejen beliau bernama Fatimah telah meneroka kebanyakan kedai buku dan perpustakaan di beberapa buah bandar yang jauh seperti Cairo, Alexandria, Damascus dan Baghdad untuk membeli atau membuat salinan manuskrip kuno dan moden (Imamuddin S.M, 1961). Ada pendapat mengatakan bahawa tidak ada hadiah yang paling bermakna bagi Khalifah Al-Hakam selain menerima manuskrip yang luar biasa dan jarang ditemui oleh beliau. Tidak hairanlah jika dikatakan bahawa perpustakaan yang dimiliki oleh beliau adalah paling banyak koleksi buku pada Zaman Pertengahan. Dianggarkan bahawa beliau memiliki simpanan buku sebanyak 400,000 buah di dalam perpustakaan miliknya (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Perpustakaan awam juga dibina di setiap daerah dan wilayah di Andalus. Menurut Ballestros, di bandar Kordova sahaja terdapat sebanyak tujuh puluh buah perpustakaan awam yang boleh digunakan oleh seluruh masyarakat di situ (Imamuddin S.M, 1961). Setiap perpustakaan ini mempunyai koleksi buku dalam pelbagai bidang. Selain itu, terdapat juga beberapa buah perpustakaan persendirian yang dibina oleh tokoh-tokoh terkenal sama ada di Kordova atau bandar-bandar lain. Antara perpustakaan persendirian yang terpenting selepas Perpustakaan Diraja adalah perpustakaan Ibn Futais di Kordova, yang mana telah dijual kepada orang awam sebanyak 40,000 dinars pada awal abad ke 11 M (Imamuddin S.M, 1981).

Penjaga perpustakaan atau pustakawan di setiap ibu kota terdiri daripada kalangan keluarga orang kenamaan sahaja, seperti juga orang yang menguruskan Perpustakaan Diraja adalah daripada kalangan keluarga Diraja itu sendiri. Misalnya, abang kepada Khalifah Al-Hakam II iaitu Abd Al-Aziz telah ditugaskan untuk menyelia perpustakaan milik Diraja, manakala seorang lagi abangnya iaitu Al-Mundhir sebagai ketua yang menguruskan jabatan pendidikan. Ketua pustakawan adalah Talib. Beliau yang bertanggungjawab mengarahkan anak buahnya menyediakan katalog bagi setiap buku di perpustakaan Diraja tersebut. Selain itu, Khalifah juga mengambil beberapa orang penjilid buku, ahli tukang dan penghias yang mahir untuk bekerja di Perpustakaan Diraja. Walau bagaimanapun, kebanyakan buku di dalam bidang falsafah dan sains di perpustakaan ini telah musnah pada zaman pemerintahan Hajib al- Mansur (Imamuddin S.M, 1981).

Selepas Kordova jatuh, pusat kebudayaan telah berpindah ke wilayah yang lain. Di antara pemerintah Muluk Al-Tawa'if, hanya pemerintah Abbadiid di Seville mempunyai Perpustakaan Diraja dan di tengah ibu kota ini pula letaknya pasar buku. Selain itu, Abu Ja'far ibn Abbas, wazir kepada Zuhayr iaitu pemerintah Almeria dikatakan memiliki 400,000 buah buku di perpustakaan persendirian, Al-Muzaffar ibn Al-Aftas pula selain berjaya menghasilkan karya ensiklopedia bertajuk *al-Muzaffariyyah* sebanyak lima puluh volum juga memiliki sebuah perpustakaan yang besar. Banu Dhu 'l-Nun di Toledo dan Banu Hud di Saragossa juga mempunyai perpustakaan yang terkenal di ibu negaranya. Ibnu Matruh dan Ibn Saghir yang terkenal sebagai pencinta buku di Saragossa telah berpindah ke Valencia selepas saragossa ditawan oleh Alfonso I. Granada juga tidak ketinggalan mempunyai perpustakaan yang terpenting, antaranya ialah perpustakaan Banu Zubaydi, Ibn Furqan dan Aben Lope (Imamuddin S.M, 1981).

Semasa zaman kejatuhan Islam, kebanyakan koleksi buku yang terdapat di perpustakaan ini telah musnah. Walau bagaimanapun, tinggalan koleksi buku-buku orang Islam telah disimpan dengan baik di perpustakaan Escorial dekat Madrid oleh Raja Philip II (1556-1598 M) dan penggantinya. Pada zaman beliau, perpustakaanannya itu telah menjadi sebuah perpustakaan yang terkaya dengan manuskrip Islam (Imamuddin S.M, 1981).

Institusi Pendidikan Formal

Sekolah dan universiti merupakan dua institusi pendidikan formal yang terdapat di Andalus. Kedua-dua institusi ini memainkan peranan penting sebagai pusat pendidikan rasmi dalam proses penyebaran ilmu pengetahuan dalam kalangan masyarakat Andalus

Sekolah

Secara umumnya, masyarakat Islam di Andalus dapat menikmati pendidikan yang terancang, sama ada peringkat rendah atau tinggi. Pada peringkat sekolah rendah (*ibtida'iyah* dan *i'dadiyah*) para pelajar diajar menulis dan membaca al-Quran. Di samping itu, mereka juga diajar mengenal puisi, menulis surat, karangan dan tatabahasa Arab. Selain itu, pelajar juga diajar seni kaligrafi di dalam aktiviti kurikulum. Murid-murid belajar menggunakan pena dan dakwat dan biasanya mereka menulis di atas kayu licin yang boleh dipadam dengan kain kesat. Guru-guru yang mengajar pada peringkat ini tidak perlu memiliki diploma atau ijazah. Mereka tidak diberikan gaji tetap, hanya sekadar menerima elaun yang dibayar oleh murid-murid secara suka rela. Biasanya pendidikan peringkat rendah ini dijalankan secara terbuka (Mahayudin Haji Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi, 1997).

Sementara bandar-bandar kecilnya pula mempunyai sekolah-sekolah. Sebagai contoh, Khalifah Al-Hakam II telah membina sebanyak tiga buah sekolah bersebelahan dengan masjid utama dan dua puluh empat buah sekolah yang lain di pinggir bandar Kordova yang mana para pelajar akan mendapat pendidikan secara percuma di sini. Menurut McCabe, di sekitar bandar Kordova sahaja telah ada sebanyak lapan ratus buah sekolah (Imamuddin S.M, 1981).

Secara formalnya pendidikan peringkat menengah tidak wujud. Oleh sebab itu, para pelajar telah disediakan dengan pelajaran yang secukupnya untuk membolehkan mereka terus memasuki institusi-institusi pengajian tinggi atau universiti. Sebaik sahaja tamat pendidikan di

peringkat rendah, para pelajar yang berkemampuan akan berpeluang meneruskan pengajian mereka ke peringkat tinggi di bandar-bandar yang berdekatan (Imamudin S.M, 1981).

Universiti

Institusi-institusi pendidikan rasmi tumbuh dengan banyaknya di seluruh Andalus. Boleh dikatakan semua bandar utama mempunyai universitinya yang tersendiri. Universiti pertama di Andalus telah diasaskan oleh Khalifah Abdul Rahman III. Kos pembinaan universiti ini ditanggung oleh Khalifah selain dibantu oleh orang awam (Azam Hamzah, 1999). Kemudiannya, universiti ini terus berkembang pesat dibawah naungan dan bantuan kewangan daripada Khalifah Al-Hakam II. Khalifah Al-Hakam II telah memperuntukkan wang sebanyak 2,61,537 dinar bagi tujuan memperbesar dan mencantikkan universiti tersebut (Amir Hasan Siddiqi, 1967). Universiti yang bertempat di Masjid Jamek Kordova ini dikenali dalam sejarah sebagai Universiti Kordova.

Universiti Kordova dikatakan menjadi tempat belajar yang paling baik di dunia pada zaman tersebut. Ini kerana dua buah universiti yang terkenal selepasnya iaitu Universiti Al-Azhar dan Nizamiyah belum lagi dibina ketika itu. Di Universiti Kordova telah wujud beberapa jabatan pengajian seperti jabatan astronomi, matematik, perubatan, teologi dan undang-undang (Philip K. Hitti, 1956). Keunggulan universiti ini sebagai pusat pendidikan yang terbaik di Eropah telah menarik perhatian para pelajar dan sarjana dari seluruh dunia datang ke Universiti Kordova untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Amir Hasan Siddiqi mengatakan bahawa;

In the tenth century A.D. when Cordova (the Umayyad capital of Spain) began to rival Baghdad, the tide of the flow of culture and learning was turned. During the subsequent centuries increasingly more students from the Muslim East and the Christian Europe flocked at the Universities of Cordova, Toledo, Granada and Seville to drink deep from the wells of learning that flowed there in abundance (Amir Hasan Siddiqi, 1967).

Hal ini turut diakui oleh A.Rahim;

The University of Cordova was the meeting place of the scholars and students of all classes and every branch of knowledge was studied and additions were made by new discoveries (A.Rahim, 1960).

Khalifah Al-Hakam II telah menjemput ramai sarjana dan professor dari Timur untuk berkhidmat di universiti ini. Mereka bukan sahaja ditawarkan dengan gaji yang lumayan malah diberikan kemudahan-kemudahan yang lain. Di antara ulama dan sarjana yang berhijrah ke Andalus pada zaman beliau termasuklah Abu Bakr bin Muawiyah al- Qurayshi yang pakar dalam ilmu hadith, Abu Ali al- Qadi seorang professor bahasa, syair, falsafah dan sejarah Arab sebelum Islam, Ibn al-Qutiyah seorang sarjana dalam ilmu nahu dan sejarah serta ramai lagi (Imamuddin S.M, 1961).

Universiti dan akademi pengajian tinggi juga terdapat di beberapa buah bandar besar seperti Seville, Almeria, Badajoz, Granada, Toledo, Valencia, Malaga dan Dervia. Bandar-bandar ini juga muncul sebagai pusat pembelajaran terpenting pada zaman pertengahan. Para pelajarnya datang dari serata tempat di Andalus dan juga dari luar. Ia turut dikunjungi oleh para sarjana untuk mendapatkan bantuan serta galakan raja-raja (Anwar G.Chejne, 1974). Menurut al-Maqqari, kurikulum pendidikan di universiti bersifat universal, ia dikatakan bermula dengan

pembacaan dan takwil al-Quran dan tumpuan lebih diberikan kepada bidang keagamaan, di mana bidang teologi menjadi subjek yang utama. Selain itu, mata pelajaran yang diajar ialah falsafah, saraf dan nahu, tatabahasa Arab, puisi, retorik, sejarah dan geografi, lughat dan leksikografi (Anwar G.Chejne, 1974).

Bagi para sarjana pula, mereka sanggup mengembara jauh untuk mencari ilmu di mana sahaja yang boleh didapati sama ada di Kordova, Seville, Saragossa ataupun di sebelah Timur iaitu di Bandar-bandar seperti Qayrawan, Iskandariah, Kufah dan Basrah. Mereka diberi kebebasan untuk memilih bidang yang paling diminati dan mendapat tunjuk ajar daripada para guru dan cendekiawan yang masyhur sehingga memperolehi diploma atau ijazah setelah tamat pengajian kelak (Anwar G.Chejne, 1974). Terdapat juga di kalangan para sarjana ini mendapat bantuan daripada pemerintah Islam seperti yang dinyatakan oleh Dr. Amir Hasan Siddiqi, *Muslim scholars of Spain, often under royal patronage, travelled to Madinah, Baghdad, Damascus and elsewhere in the East, even to Transoxiana and China in quest of learning* (Amir Hasan Siddiqi, 1967).

Menurut Irving, seorang pelajar atau sarjana yang baru sahaja tamat pengajiannya daripada mana-mana institusi pengajian tinggi bukan sahaja layak untuk mengajar dalam bidang yang mereka ceburi, mereka juga berpeluang menjawat jawatan-jawatan penting di dalam pekhidmatan kerajaan dengan mendapat gaji yang lumayan. Namun begitu, jawatan dan kedudukan bukanlah matlamat utama pelajar-pelajar di sini. Ini kerana masyarakat di Andalus lebih memandangi pencapaian seseorang di dalam bidang akademik berbanding kedudukan kebendaan mereka (Azam Hamzah, 1999). Guru-guru, cendekiawan dan para sarjana mempunyai status sosial yang tinggi dan mereka diberi penghormatan oleh masyarakat dan pemerintah. Kebolehan membaca dan menulis di kalangan penduduk Islam Andalus sangat tinggi dan mungkin di mana-mana di seluruh dunia pada zaman itu.

Granada muncul sebagai pusat pemerintahan Islam dan perkembangan keilmuan yang terpenting di sebelah Barat. Di sinilah letaknya Universiti Granada iaitu universiti terakhir di bawah pemerintahan kerajaan Islam di Andalus. Universiti Granada ini dibina oleh Sultan Yusuf I pada tahun 1349 M. Ia terkenal dengan panggilan *Dar al-'Ilm* atau *al-Madrasah al-Nasriyyah*. Bangunan universiti ini dibina mengikut seni bina Morocco dan merupakan satu-satunya bangunan jenis itu yang terdapat di Andalus (Azam B. Hamzah, 1999). Universiti Granada juga mempunyai beberapa buah jabatan pengajian seperti jabatan undang-undang, perubatan, kimia, falsafah dan astronomi (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Penduduk di kedua-dua buah kerajaan Kristian Castile dan Aragon yang sentiasa berazam untuk menentang kerajaan Islam di Andalus juga tidak melepaskan peluang datang mendapatkan ilmu di Universiti Granada. Profesor Philip K. Hitti telah menceritakan tentang keunggulan pendidikan Islam pada zaman tersebut, dan menurut beliau dunia ini didukung oleh empat perkara utama iaitu kebijaksanaan para cendekiawan, keadilan seorang pemerintah, doa orang-orang yang jujur dan keperkasaan orang yang berani (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Sesungguhnya universiti dan kegiatan intelektual tidak akan berkembang subur tanpa adanya buku dan bukanlah satu perkara yang memeranjatkan apabila Andalus menjadi pusat pengeluaran buku yang terbesar di Eropah. Industri membuat kertas mula diperkenalkan di Morocco dan Shatibah telah muncul sebagai pusat utama industri kertas di Eropah. Dari Andalus, perusahaan membuat kertas telah tersebar ke Itali dan Perancis dan kemudiannya ke

seluruh Eropah. Sebelum berlakunya Perang Salib, buku dan kertas menjadi salah satu warisan Islam Andalus kepada Eropah Barat (Sayyid Fayyaz Mahmud, 1960).

Kesimpulan

Kedatangan Islam di Andalus bukan sahaja telah membawa perubahan kepada struktur politiknya, malah telah mencetuskan suasana keilmuan yang tidak boleh ditandingi di dalam segala bidang kehidupan khususnya dalam perkembangan intelektual. Sejarah mencatatkan bahawa di bawah pemerintahan dan pentadbiran Islam hampir tidak ada rakyat Andalus yang buta huruf. Masyarakat Andalus sama-sama bergabung tenaga dan terus mengorak langkah ke arah kemajuan hidup yang lebih menyeluruh mencakupi seluruh dimensi spritual, fizikal dan intelektual. Sesungguhnya penguasaan Islam di Andalus selama hampir lapan abad sebenarnya telah memberikan pengertian yang amat besar kepada kelahiran dan perkembangan kegiatan intelektual dalam berbagai bidang bukan sahaja kepada masyarakat Andalus, malah kepada seluruh masyarakat Barat dan dunia.

Rujukan

- A. Rahim. (1960). *A Short History Of Islam* (Revised Edition). Dacca: Ahmed Publishing House.
- Azam Bin Hamzah. (1999). *Sejarah Dan Tamadun Islam Di Andalus (711-1492M)*. Selangor: Hizbi Sdn. Bhd.
- Mahayudin Haji Yahaya dan Ahmad Jelani Halimi. (1997). *Sejarah Islam*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Robiah Ismail. (1987). *Pemerintahan Kerajaan Umayyah Di Andalus: Kajian Khusus Pada Zaman Abd al-Rahman al-Dakhir*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Chejne. Anwar G. (1974). *Muslim Spain, Its History And Culture*. Minnesota: University Of Minnesota Press.
- Hitti, Philip. K. (1956). *History Of The Arabs, From The Earliest Times To The Present*. London: Macmillan & Co. LTD.
- Imamuddin, S.M. (1981). *Muslim Spain 711-1492 A.D*. Leiden Netherlands : E.J Brill.
- _____. (1963). *The Economic History Of Spain*. Dacca : Asiatic Society Of Pakistan.
- Mahmud, S.F. (1960). *A Short History Of Islam*. Karachi: Oxford University Press.
- Siddiqi, Amir Hassan. (1967). *Studies In Islamic History*. Karachi: Jamiyatul Falah Publications.
- Taton, Rene. (1963). *History Of Science Ancient And Medieval Science From The Beginnings To 1450*, translated by A.J. Pomrans. New York: Basic Books Inc.
- Watt, W. Montgomery and Cachia .P. (1965). *A History Of Islamic Spain*. Edinburgh: Edinburgh University Press.